

28 JUL 1997

Parlimen-Desa

SEBANYAK 606 KAMPUNG DIPILIH DESA WAWASAN

KUALA LUMPUR, 28 Julai (Bernama) -- Sebanyak 606 kampung di seluruh negara telah pilih bagi pelaksanaan Gerakan Desa Wawasan (GDW) sejak program itu dilancarkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tahun lepas, demikian Dewan Rakyat diberitahu hari ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar Douglas Uggah Embas berkata beberapa masalah berkaitan pelaksanaan GDW telah dikenal pasti termasuklah masalah utamanya, kurang kefahaman mengenai konsep itu di peringkat agensi dan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK).

"Bagi mengatasi masalah ini, kementerian sedang menyusun latihan dan penerangan kepada JKKK," katanya ketika menjawab soalan Puan Sukinam Domo (BN-Batang Sadong) pada sesi soal jawab.

Ketika menjawab soalan tambahan Yunus Rahmat (BN-Jelebu), beliau berkata pengurus pelaksanaan GDW sepatutnya ialah pegawai-pegawai Daerah yang akan dapat membawa masuk pegawai-pegawai lain yang terlibat dalam pembangunan daerah untuk menduduki jawatankuasa pelaksanaan itu.

Kepada soalan Dr Yusof Yaacob (BN-Sipitang), beliau berkata program baru itu memanglah menimbulkan kekeliruan tetapi fokus sebenarnya ialah menggerakkan pembangunan insan dengan membimbing penduduk kampung terpilih supaya dapat merancang pembangunan di kampung masing-masing.

Beliau berkata kementerian telah menetapkan bahawa 10 peratus daripada jumlah peruntukan pembangunan prasarana jalan kampung, projek air luar bandar dan projek bekalan elektrik luar bandar diberikan kepada kampung GDW itu.

Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu ketika menjawab soalan Lau Ngan Siew (BN-Sandakan) berkata kerajaan telah melantik perunding dan juruukur kerja rekabentuk dan ukur bagi projek jalan raya lintas Sibuga.

"Kerja-kerja itu sedang dijalankan dan dijangka siap pada awal tahun 1998. Pembinaan dijangka dapat dimulakan pada pertengahan 1998," katanya.

-- BERNAMA

MNY NMO